## **KOSMO ONLINE - 5 DECEMBER 2014**

## STUDENTS VISIT A REAL WORK ENVIRONMENT

## Pelajar tinjau dunia pekerjaan sebenar



Para pelajar Kolej Antarabangsa KBU diberikan pendedahan persekitaran dunia pekerjaan sebenar di New Hoong Fatt Holdings Berhad di Klang, Selangor baru-baru ini.

SERAMAI 40 orang Kolej Antarabangsa KBU berpeluang melihat sendiri proses pembuatan alatalat automotif di samping pendedahan persekitaran dunia pekerjaan sebenar di Hoong Fatt Holdings Bhd. (NHF) di Klang, Selangor baru-baru ini.

NHF mengatur program lawatan akademik yang menyentuh beberapa aspek pembuatan daripada teknologi mesin sehingga kepada proses pengeluaran untuk para pelajar. Mereka memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang industri NHF selain menghubungkaitkan konsep teori yang dipelajari dengan realiti.

Pelajar jurusan Sains Perakaunan dan Kewangan, Nuraqili Mohd. Azlan Shah, 21, berkata, mereka berpeluang melihat sendiri pelbagai proses berkaitan dalam kilang dan keperluan pekerja mahir.

"Saya juga dapat menyaksikan proses pengeluaran produk dalam kuantiti yang besar. Menerusi lawatan ini, saya lebih memahami proses pembuatan produk dan dapat mengaitkannya dengan ilmu yang dipelajari sepanjang pengajian saya," jelasnya.

Sementara itu, Ketua Pengurusan Hospitaliti dan Pelancongan daripada Fakulti Perniagaan KBU, Low Hong Keng menganggap lawatan itu sebagai pendedahan berharga buat para pelajar.

"Kebanyakan pelajar tidak mempunyai pengalaman kerja dan lawatan ini memberikan mereka pengetahuan yang berharga tentang proses pembuatan.

"Selepas melihat kegunaan mesin-mesin dalam proses pengeluaran produk, saya dapat mengetengahkan konsep asas perakaunan seperti konsep susut nilai kepada pelajar. Saya berharap agar mereka sedar bahawa sebagai pekerja, mereka perlu bekerja keras untuk mencari rezeki," tegasnya.

Lawatan itu merupakan satu inisiatif di bawah Program Pengurusan Bersekutu NHF yang diwujudkan bagi memberi peluang kepada siswazah meraih pelbagai pengalaman kerja dan melengkapkan diri untuk menjadi seorang pemimpin dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

"Modal insan sangat penting kepada mana-mana perniagaan. Di NHF, kami sangat menghargai kakitangan dan pembangunan bakat. Sebab itu kami menstruktur strategi pengurusan bakat yang menawarkan peluang kepada semua pekerja.

"Dalam misi bergerak ke arah pemodenan dan automasi, kami komited untuk melatih tenaga kerja mahir dan separuh mahir bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

"Lawatan ini merupakan satu usaha yang diharap dapat membina hubungan yang saling menguntungkan dengan institusi-institusi pendidikan dan membekalkan tenaga mahir yang berkualiti kepada NHF." kata Pengarah Urusan NHF, Chin Jit Sin.

Sejak lapan tahun lalu, NHF giat memperhalusi strategi pengurusan sumber manusianya. NHF mendekati kumpulan pekerja berpotensi yang berbeza daripada belia tempatan kepada lepasan sekolah menengah dan siswazah melalui pelbagai program.

Artikel

Penuh: <a href="http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=1205&pub=Kosmo&sec=Varia&pq=va">http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=1205&pub=Kosmo&sec=Varia&pq=va</a> 02.htm#ixzz3Mm4MJ5eU

Hakcipta terpelihara